



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 23 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INDUSTRIALISATION OF AGRICULTURE, ONLINE, THE SUN DAILY	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	64,375 PETANI DAPAT DISKAUN CUKAI, NEGERI PERAK, SINAR HARIAN -25 PETANI LEGA PENGUMUMAN KERAJAAN PERAK, NEGERI PERAK, SINAR HARIAN - 25	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5.	AYAM, SOSEJ IMPORT DILUCUT HAK DJADIKAN MAKANAN IKAN KELI DI PENJARA, NEGERA, KOSMO -17 MAQIS KELANTAN SERAH BARANGAN DILUCUT HAK, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7.	PENDUDUK PPRS USAHA PENANAMAN NANAS, WILAYAH, BERITA HARIAN -30 FAMA JOHOR RANCANG LAKSANA E-WALLET DI SEMUA PASAR TANI, ONLINE, BERNAMA ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10.	BENIH PADI BAHARU, DALAM NEGERI, UM -1 PADI ANGIN BAWA MASALAH BESAR, DALAM NEGERI, UM -11 PESAWAH HARAP BENIH PADI MADACORP BERKUALITI, DALAM NEGERI, UM -11	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11.	KESIANLAH KEPADA PESAWAH, FORUM, UM -19	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
12. 13. 14.	NABIL SI KUDUNG BERTUAH, DALAM NEGERI, UM -33 MAYBANK IB KEEPS 'HOLD' CALL ON LEONG HUP, LOWERS EARNINGS ESTIMATES, BUSINESS, NST -18 SEMUA PASAR DI JOHOR DIBENARKAN BEROPERASI SEMULA, ONLINE, BERITA HARIAN	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2020	THE SUN DAILY	ONLINE	

INDUSTRIALISATION OF AGRICULTURE

EMIR Research's Q3 2020 Focus Group Discussion (FGD) findings have highlighted concerns over food safety, security and sovereignty as major themes or issues – as raised by the two groups of discussants, namely the farmers and consumers – that have been brought to the forefront by Covid-19 and the imposition of the Movement Control Order (MCO). Food safety is specifically linked to the non-use of pesticides, contaminants in their own right which increase the risks to health especially when the level is high. Food security, on the other hand, is all about continuous availability of and access to the food supply chain for all of society, irrespective of demography (socio-economic background) or geography (region). Finally, food sovereignty simply means the capacity and capability of a country to be self-sustaining by not being overly-reliant on external sources or food imports. Towards that end, agricultural industrialisation is key to addressing the sustainability and future of our country's food industry from the aspects of safety, security and sovereignty. It is the integration of agriculture and industry within the supply chain alongside the focus on application of industrial methods and technology, including digitalisation, to enhance crop output both in terms of quantity as well as quality, including safety, which in turn tends to provide for conditions approximating food sovereignty. Agricultural industrialisation has been emphasised under the Malaysia Plans. Under the Ninth Malaysia Plan (2006-2010), the emphasis was on the "New Agriculture" to revitalise agriculture to fulfil the role as third engine of growth, i.e. attaining near-levels of food sovereignty – expressed in terms of balance of payments surplus (or net exporter). The 9MP also created five high-impact projects, namely: permanent food production, aquaculture industry zone, the national feedlot centre, contract farming, and nurturing agropreneurs. Fast forward to the 11th Malaysia Plan which is coming to an end this year. We are ranked second among Southeast Asian nations when it comes to food security. Based on studies done by the *Economist* Intelligence Unit, Malaysia ranks 41 out of 113 countries on the Global Food Security Index. Malaysia is second behind Singapore and ahead of Thailand and Vietnam. At the same time, the continuing push for agricultural industrialisation under the 11MP also has in view food safety and quality through intensifying the implementation of quality assurance programmes for agriculture produce. Certification programmes such as the Malaysian Good Agriculture Practices (myGAP), Malaysian Organic (myOrganic), Good Manufacturing Practice (GMP), Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) and halal certification are to be further promoted and entrenched along the entire spectrum of the food supply chain. To further boost and augment agricultural industrialisation to attain the goals of food safety, security and sovereignty, EMIR Research would like to propose the following policy proposals:

Food safety

The Ministry of Agriculture and Food Industry (Mafi) together with the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) should step up their efforts by introducing timelines and deadlines for the phasing out of the use of pesticides (which also includes herbicides and insecticides) and substitute them with natural or organic mechanisms otherwise known as biocontrol, i.e. the use of biological agents for killing pests. The timetable should also be aligned to termination of subsidies for pesticides. Mafi and Mardi have already jointly-produced the *Diadegma* and *Cotesia* wasp-type parasitoids as well as the Tiger Fly (a type of fly), for use to control *Plutella* moth and leaf miner infestations. In the meantime, a concerted nationwide campaign to promote biocontrol techniques and abandon use of pesticides involving Mafi, Mardi, regional agricultural development authorities, farmers' associations and NGOs should be intensified.

Food security

Incorporate the Integrated Agricultural Development Projects into all of the regional economic corridors. This would also spur the integration of the entire food supply chain and facilitate the digitalisation process. Food supply chain resilience would be enhanced by ensuring uninterrupted channels and networks of distribution, including via e-commerce. Every stage of the food supply chain should be subject to a traceability and tracking system using, for example, RFID (radio frequency identification) technology. There should also be a re-emphasis on collectivisation of agricultural lands such as *padi* fields grouped into clusters of mini-estates as self-contained mini production centres with the choice and capacity to by-pass conventional supply chain channels such as existing strategic partners like Bernas. This is consistent with the further liberalisation of the rice market.

Food sovereignty

Extensive land rehabilitation projects for agriculture should be seriously considered. There could be joint ventures in the form of a triple alliance between the federal government, state development corporations and the private sector. These projects would increase the number of Permanent Food Parks (PFPs) that had been designed as one of the strategies under the Third National Agriculture Policy. PFPs should be earmarked as analogous to free trade or industrial zones – with tax incentives and with a new emphasis on promoting digital agriculture. Ultimately, integration and assimilation of both urban and agricultural industrialisation should be implemented in line with a Total Planning Concept, where agriculture is part and parcel of the economic activities and environmental sustainability of any development projects. This includes urban farming – home, vertical, hydroponic and aeroponic – as driven by artificial intelligence, Internet of Things, precision analytics, and Big Data. The upcoming 12th Malaysia Plan is expected to give renewed drive towards promoting agricultural industrialisation and take Malaysia on to the next level in ensuring the sustainability of our food safety, security, and sovereignty.

64,375 petani dapat diskaun cukai

Inisiatif kerajaan Perak bantu golongan petani yang terjejas akibat penularan Covid-19

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Seramai 64,375 petani dan pesawah di Perak mendapat manfaat diskaun tunggakan bayaran cukai tanah dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Fasa Ketiga.

Exco Pertanian, Perikanan, Perlindungan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamhari berkata, jumlah keseluruhan tanah pula dianggarkan seluas 75,000 hektar.

Katanya, diskaun tunggakan cukai tersebut akan dapat mengurangkan kos tetap yang perlu dibayar oleh petani sekali gus menggalakkan mereka untuk meneruskan aktiviti pertanian.

"Ini merupakan satu inisiatif yang amat baik oleh kerajaan negeri untuk membantu rakyat



Golongan pesawah sangat bersyukur dengan pengumuman kerajaan negeri mengenai pengecualian denda lewat dan pemberian diskaun tunggakan cukai tanah ketika ini dalam keadaan hasil padi tidak seperti ditahapkan.



ABDUL YUNUS

terutama golongan petani yang terke-
sakan akibat penula-
ran pandemik koro-
navirus (Covid-19).

"Ketika ini ramai petani yang kehilangan sumber pendapatan dan cuba memulihkan perusahaan perta-
nian mereka. Ada

dalam kalangan mereka yang terpaksa menanggungkan bayaran cukai tanah dan sebagainya. Jadi pengumuman ini sangat

melegakan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pengumuman yang dibuat oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu untuk melanjutkan tawaran pengecualian denda lewat dan pemberian diskaun bagi tunggakan cukai tanah serta bayaran premium tanah berkuat kuasa serta-merta sehingga 31 Disember 2020.

Menurutnya, peluang yang disediakan oleh kerajaan itu perlu dimanfaatkan sebaik

mungkin untuk menguruskan pendapatan dan dapat meri-
ngankan beban petani.

Menerusi pengumuman tersebut, pengecualian denda lewat turut diberikan bagi Cukai Tanah Berulang sehingga 31 Disember 2020 untuk semua jenis hak milik manakala diskaun untuk pembayaran sekali gus tunggakan iaitu sebanyak 30 peratus.

Ia melibatkan tunggakan cukai tanah melebihi RM1 juta dan diskaun 25 peratus bagi tunggakan cukai tanah antara

RM500,000 hingga RM999,999.

Bagi tunggakan cukai di bawah RM500,000, diskaun sebanyak 20 peratus diberikan dan 15 peratus diskaun bagi mereka yang membayar secara ansuran sehingga 31 Disember 2020.

Kerajaan negeri dalam pada itu turut menawarkan diskaun ke atas bayaran premium tanah bagi Notis 5A dan 7G namun bagi premium berjumlah RM5 juta dan ke atas pula memerlukan kertas pertimbalan khas ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) sebelum diberikan diskaun antara 10 hingga 30 peratus.

Semua pemberian diskaun terhad kepada notis yang dikeluarkan bagi tahun semasa dengan pembayaran dibuat sebelum 31 Disember 2020.

Pengecualian denda dan tawaran diskaun ini akan memberi impak kewangan berjumlah RM6.65 juta kepada kerajaan negeri.

Kerajaan Perak sebelum ini menawarkan pengecualian denda lewat dan diskaun ke atas tunggakan cukai tanah serta bayaran premium tanah bermula dari 21 Mei 2020 hingga 31 Ogos 2020 menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Fasa Kedua.

Petani lega pengumuman kerajaan Perak

BAGAN SERAI - Golongan petani mengakui lega dengan pengumuman kerajaan melalui pengecualian denda lewat dan pemberian diskaun tunggakan cukai tanah serta bayaran premium yang dilanjutkan sehingga 31 Disember ini.

Pesawah, Azhar Hashim, 50, berkata, walaupun nilai cukai tanah padi rendah berbanding sektor lain tetapi ia tetap membantu kerana ada pesawah yang mempunyai tunggakan.

Katanya, tanah sawah yang diusahakan sebanyak lapan hektar dengan kadar cukai RM120 setahun namun jumlah itu masih dilihat besar oleh sesetengah petani.

"Diskaun ini sangat membantu meringankan beban kerana petani juga berdepan penularan pandemik koronavirus (Covid-19)," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurutnya, inisiatif seperti ini



NORDDIN

memang dinantikan oleh golongan petani dan penduduk luar bandar kerana kebanyakan mereka hanya bergantung kepada hasil pertanian serta kerja kampung.

Sementara itu, seorang penternak di Kampar, Norddin Japar Ali, 57, berkata, pemberian diskaun dan pengecualian denda lewat cukai tanah itu sangat membantu rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar.

Katanya, walaupun masyarakat luar bandar dikatakan memiliki kediaman di atas tanah sendiri namun pendapatan mereka tidak banyak menyebabkan ada yang terpaksa menanggung bayaran cukai tanah.

"Harga pasaran hasil pertanian yang tidak menentu menyebabkan pendapatan turut terjejas sekaligus kami terpaksa menyusun kembali perancangan masa depan," katanya.

Ayam, sosej import dilucut hak jadi ikan makanan ikan keli di penjara



KETUA Unit Stesen Kuarantin Halwan Rantau Panjang, Maqis Kelantan, Ruzha Melli (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada warden Jabatan Penjara Malaysia (JPM) Machang semalam.

RANTAU PANJANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Kelantan menyerahkan makanan berupa ayam sejuk beku dan sosej import bernilai RM13,108 yang telah dilucutkan hak kepada Jabatan Penjara (JPM) Machang di sini semalam.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd. Azam Yahya berkata, ayam sejuk beku seberat 1,284 tan dan 334 pekete sosej yang telah dilucutkan hak itu diserahkan kepada JPM untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi banduan di penjara berkenaan.

Menurutnya, penularan wabak Covid-19 yang melanda

negara ini menyukarkan JPM Machang untuk mendapatkan bahan mentah selain pihak berkenaan memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkan bahan tersebut.

"Sebagai tanda sokongan, pihak kami menyerahkan barangan makanan yang telah dilucutkan hak kepada JPM Machang.

"Hasrat kami ialah untuk memenuhi keperluan bekalan bahan mentah di bawah program rehabilitasi banduan. Diharap sumbangan ini dapat menampung kos bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan kepada ternakan ikan keli," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Azam berkata, bahan

mentah itu merupakan hasil sitaan barangan import keluaran pertanian yang telah dilucutkan hak kerana tidak mematuhi aspek perundangan di negara ini.

Katanya, penyerahan itu selaras dengan Seksyen 11 di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)

"Tindakan ini merupakan salah satu daripada cara peluasan keluaran pertanian yang disita dan telah dilucutkan hak bagi makanan yang masih boleh digunakan untuk elak pembaziran.

"Penyerahan ini sekali gus dapat membantu agensi kerajaan seperti JPM Machang yang memerlukannya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

MAQIS Kelantan serah barangan dilucuthak

RANTAU PANJANG: Sejumlah RM13,108 barangan yang dilucuthakkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Kelantan diserahkan kepada Jabatan Penjara Malaysia (JPM) Machang di sini semalam.

Penyerahan barangan berupa ayam sejuk beku seberat 1.284 tan dan 334 paket sosej untuk dijadikan sebagai itu makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi banduan di penjara berkenaan.

Pengarahnya, Mohd. Azam Yahya berkata, penularan Covid-19 menimbulkan kesukaran kepada pihak berkenaan untuk mendapatkan bekalan bahan mentah selain memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkannya.

"Sebagai tanda sokongan, kami hari ini semalam menyerahkan barangan (dilucuthakkan) itu kepada JPM Machang.

"Hasrat kami satu, iaitu untuk memenuhi keperluan bekalan bahan mentah di bawah program rehabilitasi banduan," katanya.

Mohd Azam memberitahu, bahan mentah tersebut merupakan hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang telah dilucuthakkan kerana tidak mematuhi aspek perundangan.

Katanya, dia selaras dengan Seksyen 11 di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Kami berharap sumbangan ini dapat menampung kos bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan kepada ternakan ikan keli.

"MAQIS Kelantan menyokong penuh inisiatif JPM Machang dalam menajayakan program rehabilitasi banduan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2020	BERITA HARIAN	WILAYAH	30



Penduduk PPRS Pinggiran Putra menanam nanas berhampiran kediaman mereka di Kuantan.

(Foto BERNAMA)

Penduduk PPRS usaha penanaman nanas

Kuantan: Sebanyak 2,000 anak pokok nanas disediakan kepada penduduk Projek Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pinggiran Putra, di sini untuk mengusahakan tanaman nanas di kawasan penempatan itu.

Inisiatif daripada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dengan kerjasama Lembaga Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIB) Pahang itu bagi memberi peluang kepada penduduk yang berminat menceburi tanaman nanas.

Yang Dipertua MPK, Datuk Hamdan Hussin, berkata setakat ini, pihaknya mendapat kerjasama MPIB

yang menyediakan 2,000 anak pokok nanas sebagai permulaan.

Katanya, sekiranya projek tanaman buah itu berjaya, pihaknya sedia membantu peserta, termasuk memasarkan nanas sebagai sumber pendapatan kepada peserta melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

“Sebagai permulaan tanaman nanas ini hanya untuk kegunaan sendiri dan sekiranya projek ini berjaya, kita akan menambah kawasan tapak yang lebih luas.

“Kita harapkan pemba- bitan penduduk PPRS

Pinggiran Putra membantu mereka melakukan aktiviti sampingan serta mengisi masa lapang,” katanya kepada pemberita selepas program menanam anak pokok nanas di PPRS Pinggiran Kota, semalam.

Hamdan berkata, penanaman nanas itu juga termasuk dalam Program Kebun Komuniti PPRS Pinggiran Putra yang diusahakan penduduk sejak beberapa bulan lalu.

Katanya, Program Kebun Komuniti itu turut membabitkan tanaman sayur dan herba dalam usaha menggalakkan penduduk setempat menceburi bidang pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2020	BERNAMA ONLINE	ONLINE	

FAMA JOHOR RANCANG LAKSANA E-WALLET DI SEMUA PASAR TANI



BATU PAHAT, 21 Okt -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor merancang untuk melaksanakan kaedah pembayaran tanpa tunai (e-wallet) di semua pasar tani di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor Datuk Samsolbari Jamali berkata kaedah berkenaan dijangka dilaksanakan penghujung tahun ini, bermula dengan Pasar Tani Datin Halimah, di sini, sebelum diperluas ke pasar tani lain.

Beliau berkata kaedah pembayaran itu juga akan diperkenal kepada semua usahawan FAMA di Johor termasuk mereka yang menjalankan perniagaan melalui program Agro Bazaar, kerana ia didapati sesuai dengan situasi penularan pandemik COVID-19 ketika ini.

"Kaedah e-wallet ini merupakan satu nilai tambah usahawan untuk memasarkan produk masing-masing, selain memudahkan pelanggan bagi urusan jual beli mereka tanpa menggunakan tunai," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penutup Kursus Pemasaran Digital Melalui Agro Bazaar Online (ABO) 2020, di sini, petang tadi yang turut dihadiri Pengarah FAMA Johor Shahrizan Sudiman dan Pegawai Daerah Batu Pahat Zulkiflee Abbas serta 50 usahawan FAMA di daerah ini.

Sementara itu, Samsolbari berkata ABO merupakan platform yang dilancarkan pada Dis 2015, bertujuan membantu meningkatkan jualan produk usahawan kecil dan sederhana serta memudahkan orang ramai dan pembeli mendapatkan produk tertentu.

"ABO diaktifkan kembali pertengahan Mac lepas berikutan penularan COVID-19 dan orang ramai menjadikan pembelian dalam talian sebagai platform utama mereka mendapatkan barangan. Sehingga kini, usahawan yang menggunakan kaedah ABO telah mencecah 400 orang di Johor dan hampir 6,000 di seluruh negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1



Benih padi baharu

AHMAD Zamri Daud dan Roslan Jaafar membantu memasukkan benih padi keluaran MADACorp ke dalam mesin penabur milik Aziz Abdul Rahman di Kampung Padang Luar, Mukim Tajar, Alor Setar, semalam. Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan rungutan petani yang menerima benih tidak berkualiti sehingga menjejaskan pengeluaran padi. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN (Berita di muka 11)

Padi angin bawa masalah besar

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**
utusannews@mediamula.com.my

ROMPIN: Selepas melalui musim penanaman padi yang sukar akibat isu padi angin, kira-kira 122 pesawah Paya Sepayang di sini sudah bersedia melakukan musim penanaman baharu yang dijangka bermula bulan depan.

Namun selepas mengalami kerugian dan kekurangan hasil akibat padi angin, pesawah kini lebih tertumpu kepada usaha mencari kaedah mengatasi masalah itu dalam keadaan modal yang kurang.

Penggunaan benih CL2 atau padi kebal yang gagal menghapuskan padi angin membuatkan rata-rata pesawah seolah-olah serik mendapatkan benih berkenaan dan berikhtiar mencari racun pracambah bagi membunuh padi angin.

Seorang pesawah, **Abdul Muttalib Abdullah**, 48, berkata, selepas penggunaan benih CL2 gagal menghapuskan padi angin, dia sudah serik dan tidak mahu lagi menggunakannya pada musim ini.

"Saya sudah tidak mahu menggunakan lagi benih ini dan akan mencari kaedah mengha-



PESAWAH Paya Sepayang buntu mencari kaedah memusnahkan padi angin yang menjejaskan penanaman mereka untuk musim baharu ini.

puskan padi angin dengan cara lain pula," katanya yang mengusahakan 2.4 hektar sawah di sini.

Seorang lagi pesawah, **Abdul Latif Abdullah**, 65, berkata, pada masa ini dia dan pesawah lain sedang berusaha mencari kaedah menghapuskan padi angin dengan cara meracun.

Katanya, mereka kini terpaksa menambah modal bagi membeli racun pracambah dalam usaha menghapuskan

padi angin.

"Sebelum ini kita kena tambah modal beli racun siput dan kali ini kena pula sediakan modal membeli racun benih padi yang berharga RM210 bagi 1.2 hektar.

Sementara itu **Halijah Dahlan**, 61, pula berkata, dia serba salah sama ada mahu menggunakan benih padi CL2 atau sebaliknya dalam usaha menghapuskan padi angin.

Katanya, dia kini berdepan

masalah kewangan apabila hasil yang diperoleh musim lalu tidak dapat menampung jumlah modal yang menyaksikan ada sawah diusahakannya dengan keluasan 1.2 hektar hanya memperoleh satu metrik tan hasil padi.

"Saya berasa buntu bagaimana hendak hapuskan padi angin, kerana ramai pesawah yang guna benih padi kebal masih tidak dapat membunuh padi angin," katanya.



ABDUL MUTTALIB ABDULLAH



ABDUL LATIF ABDULLAH

Pesawah harap benih padi MADACorp berkualiti

ALOR SETAR: Pesawah mengharapkan benih padi yang dibekalkan Syarikat Perniagaan Peladang MADA Sdn. Bhd. (MADACorp) lebih berkualiti dalam memastikan mereka memperoleh hasil yang tinggi musim ini.

Kebanyakan pesawah di negeri ini lebih berminat mendapatkan bekalan padi daripada MADACorp kerana terjamin kualitinya berbanding syarikat-syarikat pembekal lain.

Seorang pesawah, **Ahmad Zamri Daud**, 44, dari Kampung Luar, Mukim Tajar di sini berkata, pada setiap musim dia tidak ketinggalan mendapatkan bekalan benih padi daripada MADACorp.

Bagaimanapun katanya, bekalan padi MR297 agak sukar diperoleh kerana mendapat permintaan tinggi di pasaran berbanding yang lain.

"Pada musim kali ini saya menggunakan benih padi MR308 kerana lebih sesuai untuk musim kemarau ketika

menuai nanti.

"Harga benih padi kedua-dua jenis itu bagi setiap guni seberat 20 kilogram ialah antara RM50 hingga RM60," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Baru-baru ini Ketua Pegawai Eksekutif MADACorp, Mohamad Anuar Pir Mohamad berkata, pihaknya memberi jaminan benih padi yang dibekalkan kepada pesawah di negeri ini dan Perlis tulen serta berkualiti bagi menjamin hasil yang tinggi.

Pesawah, **Aziz Abdul Rahman**, 50, pula berkata, dia mengharapkan MADACorp dapat memastikan benih padi yang dibekalkan lebih berkualiti bagi meningkatkan keyakinan pesawah selepas ini.

Ini kerana menurutnya, pesawah tidak berminat mendapatkan bekalan benih padi dengan syarikat-syarikat lain kerana bimbang kualiti padi yang diterima tidak berkualiti.

"Ramai dalam kalangan pesawah terpaksa menanggung kerugian apabila benih padi



AHMAD Zamri Daud (kanan) bersama rakannya membantu memasukkan benih padi keluaran MADACorp ke dalam mesin menabur padi di Kampung Padang Luar, Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

yang dibeli tidak berkualiti apabila menjadi padi angin," katanya.

Seorang lagi pesawah, **Roslan Jaafar**, 50, berkata, dia yakin

dengan kualiti benih padi yang dibekalkan MADACorp kerana berkualiti memandangkan dia mendapat hasil tinggi sebelum ini.

"Bagaimanapun, saya mengharapkan benih padi yang dibekalkan MADACorp lebih berkualiti pada musim ini berbanding sebelum ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	19

Kesianlah kepada pesawah

SAUDARA PENGARANG,

ISU benih padi tidak berkualiti yang disediakan oleh syarikat-syarikat pembekal menyebabkan hasil beras negara merosot kira-kira 300,000 tan metrik setahun. Kerugian para pesawah pula dianggarkan mencecah sehingga RM300 juta.

Malah, kebergantungan Malaysia kepada negara luar menyebabkan kelebihan kita yang memiliki varieti padi berkualiti seolah-olah tidak dipandang sedangkan Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menghasilkan banyak varieti padi yang sesuai dengan cuaca, suhu dan tanah di negara ini.

Malah, padi-padi yang dihasilkan jauh lebih baik dan mampu menyaingi padi dari

negara luar.

Apa fungsi penyelidikan yang dilakukan oleh agensi tersebut sekiranya kita tidak menggunakan kelebihan itu sedangkan jika diikutkan dari segi kos adalah jauh lebih murah dan membolehkan pesawah memperoleh keuntungan berlipat kali ganda?

Justeru, Kementerian Pertanian perlu melihat perkara ini secara holistik dengan menekankan kelebihan varieti padi tempatan, sekali gus dapat mengelak manipulasi harga benih padi dari luar negara.

Pada masa sama, bekalan beras dapat dikekalkan sepanjang tahun tanpa sekatan atau kekurangan sumber.

ADRA MOHAMMAD
Perlis



MALAYSIA turut menghasilkan varieti padi berkualiti yang boleh menjadi sumber utama beras negara. - GAMBAR HIASAN

Nabil si kudung bertuah



NABIL, anak penyu karah yang kudung sirip depan dan belakang.

DUNGUN: Walaupun kudung sirip depan dan belakang dipercayai akibat dipotong nelayan, namun, tindakan pantas sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyelamatkan seekor anak penyu karah pada akhir 2017 membolehkan haiwan marin itu meneruskan kehidupan hingga kini.

Ketua Makmal Penyelidikan Institut Oseanografi dan Sekitaran UMT, Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, penyu bertuah dengan berat 9.1 kilogram manakala panjang 50 sentimeter dan lebar 42 sentimeter yang dinamakan Nabil itu, bagaimanapun tidak dapat dilepaskan kembali ke laut kerana hilang keupayaan untuk berenang dan mencari makan. Beliau yang juga Ketua Sté-

sen Penyelidikan Alami Penyu UMT di Pulau Redang memberitahu, haiwan marin berusia antara empat hingga lima tahun itu ditemukan terdampar oleh seorang pengajar selam di pulau peranginan tersebut dan kemudian ditempatkan di sebuah resort berdekatan bagi proses pemulihan sebelum dihantar ke Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, di sini sejak sebulan lalu.

Katanya, tempoh pemulihan reptilia adalah perlahan berbanding mamalia kerana metabolisme yang lebih rendah dengan anggaran luka untuk sembuh mengambil masa sehingga empat bulan.

“Semasa diselamatkan, kita dapati peluang Nabil untuk hidup tipis kerana keadaannya yang terlalu kurus dan tiada selera makan, malah, terdapat jangkitan kuman pada luka yang terdedah lama.

“Nabil dianggap bertuah

kerana spesies penyu karah sangat sukar ditemui di Pantai Timur Semenanjung dan tidak sangka ia boleh membesar sehingga sekarang,” katanya ke- pada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Mohd. Uzair, semasa tempoh rawatan, pihaknya sentiasa memastikan Nabil kekal aktif untuk mengelakkan obesiti berikutan tidak boleh melakukan banyak pergerakan di samping turut mengajar penyu itu berenang dengan bantuan.

Katanya, bilangan pendaratan penyu karah di Pantai Timur amat sedikit dengan tidak melebihi 20 sarang setahun, bahkan, spesies itu kerap menjadi mangsa perdagangan haiwan kerana karapasnya yang cantik bagi dijadikan hiasan.

“Saya harap orang ramai dapat mengambil pengajaran apabila melihat keadaan Nabil yang kudung ini,” katanya.



Maybank Investment Bank Bhd has lowered Leong Hup International Bhd's financial years 2020 and 2021 earnings estimates by five and 15 per cent, respectively, upon adjusting for weaker average selling prices of broiler and day-old chicks in Malaysia and Indonesia. FILE PIC

SUBDUED AVERAGE SELLING PRICES

Maybank IB keeps 'hold' call on Leong Hup, lowers earnings estimates

KUALA LUMPUR: Subdued poultry average selling prices (ASPs) may impact Leong Hup International Bhd's financial year 2021 performance and drag down earnings in the immediate term, said Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB).

It said this was because of the resurgence of Covid-19 cases in Leong Hup's regional operations in Malaysia and Indonesia.

"We understand that the poultry industry volume has declined 10 to 15 per cent since the pandemic began.

"That said, Leong Hup is operating at full production capacity as it is able to fill in the supply

gap left by smaller independent farmers that exited the business.

"We believe that poultry demand in the third quarter had also gradually improved in Malaysia."

However, Maybank IB said with the resurgence of Covid-19 cases this month, poultry ASPs could soften in the fourth quarter as restrictions were imposed in affected districts.

It said Indonesia's poultry ASPs were also expected to remain weak in the third quarter and likely to continue into the fourth quarter if Covid-19 was not contained and consumer sentiment remained weak.

It has lowered Leong Hup's financial years 2020 and 2021 earnings estimates by five and 15 per cent, respectively, upon adjusting for weaker ASPs of broiler and day-old chicks for both Malaysia and Indonesia in light of the slower-than-expected ASP recovery and risks of further weakness due to new Covid-19 cases.

"However, feedmill demand is expected to be stable going forward, which will partially mitigate earnings downside from volatile ASPs," it said.

Maybank IB has maintained its "hold" call on Leong Hup with a lower target price of 74 sen from 87 sen previously.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

SEMUA PASAR DI JOHOR DIBENARKAN BEROPERASI SEMULA



JOHOR BAHRU: Semua pasar di seluruh kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini dibenarkan beroperasi semula berkuat kuasa serta-merta dengan syarat harus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor, Ayub Jamil, berkata ia meliputi pasar pagi, pasar malam, pasar tani, pasar awam dan bazar karat.

Namun jika ada kes lokaliti penularan COVID-19, beliau berkata, penutupan pasar tetap boleh dilakukan selepas PBT mendapatkan laporan penilaian risiko dan nasihat daripada Pejabat Kesihatan Daerah.

"Ingin ditegaskan, PBT juga boleh mengambil tindakan penutupan serta-merta terhadap mana-mana pasar yang tidak mematuhi SOP ditetapkan oleh PBT, Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Pematuhan SOP yang diambil serius meliputi pemakaian pelitup muka, penggunaan aplikasi MySejahtera atau mengambil rekod keluar masuk pengunjung, pengambilan suhu badan, kawalan laluan masuk dan sekiranya kawasan pasar itu tidak mempunyai pagar, ia perlu ada hadangan menggunakan tiang atau ditanda dengan pita.

"Ia bagi memastikan ada penjarakan fizikal, manakala penjarakan antara setiap gerai yang ditetapkan ialah 1.5 meter atau 2 meter," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Ayub berkata, semua keputusan itu dibuat hasil mesyuarat membabitkan MKN, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SUKJ) Bahagian Kerajaan Tempatan, Jabatan Kesihatan Johor (JKNJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) pada Ahad lalu.

"Ia sebagai maklum balas kepada penutupan sementara beberapa pasar pagi dan pasar malam sebelum ini bagi mengawal serta mengelakkan perhimpunan awam berikutan kenaikan kes COVID-19 di negara ini, minggu lalu.

"Berdasarkan makluman, jumlah pasar ditutup di kawasan MBJB ialah 50 pasar malam dan 16 pasar pagi, manakala di MPKu pula 10 pasar malam, dua pasar pagi, dua pasar tani dan dua pasar lambak.

"Kerajaan negeri mendengar keluh-kesah rakyat, terutama peniaga kecil yang sebelum ini terkesan kerana tidak dapat menjalankan perniagaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Justeru, penilaian sudah dilakukan dan usaha diambil ini adalah khusus bagi memastikan golongan sebegini boleh terus mendapatkan sumber rezeki dan secara tidak langsung membantu memulihkan ekonomi negeri," katanya.

Beliau berkata, keputusan membenarkan operasi semula itu juga diambil selepas menerima maklum balas JKNJ yang menyatakan bahawa penularan COVID-19 di Johor masih terkawal.